

Pemuda bakar dapur dan ugut bersenjata dipenjara

SIBU: Seorang pemuda dijatuhi hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Sesyen di Mukah, semalam kerana melakukan khianat dengan membakar dapur rumah.

Jeffery Minggu, 26, turut dikenakan hukuman penjara empat tahun setelah dia mengaku bersalah atas tuduhan melakukan ugutan jenayah dengan bersenjatakan parang.

Hakim Musyiri Peet memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara itu serentak bermula daripada tarikh dia ditangkap iaitu 27 Julai 2024.

Mengikut pertuduhan pertama, Jeffery didakwa melakukan khianat dengan api dengan membakar dapur sehingga menyebabkan kerugian sebanyak RM50 atau lebih dan didakwa mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan.

Sementara bagi pertuduhan kedua mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan, dia dituduh mengugut hendak mencederakan ibu tirinya dengan bersenjatakan sebilah parang.

Jeffery didakwa melakukan kedua-dua kesalahan itu pada 25 Julai 2024, kira-kira jam 10 malam di sebuah rumah panjang Sungai Sepudun, Balingian.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian anak tiri pengadu iaitu tertuduh telah mengamuk dan bertindak agresif sambil memegang sebilah parang serta menghalakan parang ke arah pengadu.

Tertuduh juga telah memecahkan cermin tingkap di ruai rumah dengan parang tersebut serta mengambil langsir sebelum membawa masuk ke dalam rumah.

Pengadu kemudian pergi berjumpa dengan tuai rumah meminta bantuannya untuk menasihati tertuduh agar tidak bertindak agresif.

Tidak lama kemudian, jiran pengadu memberitahu telah melihat kepulan asap keluar dari rumah pengadu melalui jendela serta mendengar tertuduh bercakap sendirian mahu menetak pengadu menggunakan parang.

Akibat kebakaran itu, pendawaian elektrik dan barang-barang di ruang dapur hangus terbakar.

Kebakaran berjaya dipadamkan dengan bantuan penduduk rumah panjang.